

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OKTOBER 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## Jumlah perdagangan Malaysia susut 12 peratus

### Jumlah perdagangan Malaysia susut 12 peratus

**PETALING JAYA** — Jumlah perdagangan, eksport dan import Malaysia pada September 2023 kekal menguncup untuk bulan ketujuh berturut-turut sejak Mac 2023, berikutan permintaan global yang perlahan dan harga komoditi lebih rendah.

Jumlah perdagangan berkurang 12.6 peratus kepada RM224.4 billion, eksport menyusut 13.7 peratus kepada RM124.5

billion, manakala import menukar 11.1 peratus kepada RM100 billion tahun ke tahun.

Lebihan dagangan turut merosot 23 peratus kepada RM24.5 billion bulan lalu, menurut laporan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, prestasi eksport Malaysia mencatatkan penguncupan pada

September 2023, selaras dengan penurunan yang ditunjukkan oleh kedua-dua eksport semula dan eksport domestik.

"Eksport semula berjumblah RM27.8 billion, menyusut 17.9 peratus berbanding September 2022, manakala eksport domestik bernilai RM96.7 billion yang menyumbang 77 peratus kepada jumlah eksport berkurang sebanyak 12.4 peratus.

"Pada masa sama, Malaysia merekodkan lebihan dagangan untuk ke-41 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

"Berbanding Ogos 2023, prestasi eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan merekodkan peningkatan, masing-masing sebanyak 8.2 peratus, 2.1 peratus, 5.4 peratus dan 42.7 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.



MOHD.  
UZIR